

20 MAY 1999

SAYA TIDAK ADA KOMEN, KATA MOHAMED RAHMAT

JOHOR BAHRU, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Mohamed Rahmat yang digugurkan daripada Kabinet dalam rombakan kecil yang diumumkan Perdana Menteri berkata, beliau tidak mempunyai sebarang komen buat masa ini berhubung penggugurannya.

"Saya tidak boleh memberitahu apa-apa buat masa ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas perjumpaan tertutup Badan Perhubungan Umno Johor dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

"Anda terpaksa tunggu... saya akan komen kemudian," kata Mohamed, yang juga Ketua Umno Bahagian Pulai.

Ketika ditanya mengenai perasaannya, Mohamed yang tersenyum lebar dan kelihatan gembira berkata: "I am still a happy man."

Dalam rombakan kecil yang diumumkan oleh Dr Mahathir, Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob dilantik sebagai Menteri Penerangan menggantikan Mohamed.

Seorang lagi Menteri yang digugurkan ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Seri Sabbaruddin Chik.

-- BERNAMA

MKO PR